



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENERAPAN RASA-FENOMENOLOGI DALAM CERPEN TAMIL TERPILIH KARYA M.NAVIN

PUSPAVALLI A/P MARIAPPAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENERAPAN RASA-FENOMENOLOGI DALAM CERPEN TAMIL TERPILIH KARYA
M. NAVIN

PUSPAVALLI A/P MARIAPPAN


DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
أريستقراطي سلطان ايدريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 14 (hari bulan) Februari (bulan) 2023.

i. Perakuan pelajar :

Saya, Puspavalli A/P Mariappan, M20201000742, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Penerapan Rasa-Fenomenologi dalam Cerpen Tamil Terpilih Karya M.Navin

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Karthiges A/L Ponniah (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Penerapan Rasa-Fenomenologi dalam Cerpen Tamil Terpilih Karya M.Navin

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Penerapan Rasa-Fenomenologi dalam Cerpen Tamil Terpilih Karya M.Navin

No. Matrik /Matric's No.: M20201000742

Saya / I : Puspavalli A/P Mariappan

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Pengkaji amat bersyukur kepada Tuhan yang mewujudkan keyakinan diri padanya untuk menyempurnakan laporan kajian dengan baiknya di peringkat sarjana. Sepanjang tempoh kajian ini, pengkaji telah menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan. 'Kepercayaan Kepada Tuhan', rukun negara ini memberi semangat kepada pengkaji sepanjang proses penyelidikan. Pengkaji tidak lupa juga jasa baik pihak Kementerian Pendidikan Malaysia yang menawarkan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) untuk melanjutkan pengajian tinggi pada peringkat sarjana dan memberi peluang menimba ilmu di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Karthees Ponniah, penyelia utama penyelidikan ini. Beliau membantu pengkaji sepanjang proses penyelidikan dengan memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta motivasi untuk menyempurnakan tesis. Segala nasihat yang diberikan oleh penyelia telah membakar semangat pengkaji untuk menyiapkan tesis ini dengan serba sempurna.

Dengan menggunakan peluang ini, pengkaji merakamkan terima kasih kepada cerpenis M. Navin yang memberi keizinan untuk mengkaji karya cerpen yang dihasilkannya. Pengarang itu telah meluangkan masa ketika ditemu bual serta membantu pengkaji pada setiap masa sepanjang perjalanan ini. Seterusnya, pengkaji juga berterima kasih kepada Cikgu Saravanan yang menghulurkan bantuan dalam proses penterjemahan kandungan kajian. Pengkaji menghormati jasa baik warga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Sungai Rambai atas sokongan moral yang dicurahkan kepada pengkaji sejak detik permulaan penyelidikan ini lagi. Pengkaji ingin berterima kasih dan menghargai jasa baik rakan-rakan yang menghulurkan bantuan dalam pelbagai situasi demi menjayakan penyelidikan ini. Sekalung penghargaan disampaikan kepada ahli keluarga juga atas kebajikan, kasih sayang, pengorbanan dan nasihat yang dicurahkan sepanjang proses penyelidikan. Sekalung budi dan penghargaan turut didedikasikan kepada semua insan yang mendorong dan memberi kerjasama, motivasi dan semangat moral untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti, menganalisis teori rasa-fenomenologi dalam cerpen-cerpen M.Navin dan seterusnya meneliti perasaan yang diberi keutamaan oleh pengarang. Pengkaji menggunakan tiga antologi cerpen, iaitu 'Mandai Oodi', 'Boyak' dan 'Uchai' sebagai bahan kajian. Kajian ini berfokus pada reka bentuk kualitatif yang menggabungkan kaedah kepustakaan, kaedah temu bual dan kaedah analisis teks dengan berlandaskan teori rasa-fenomenologi yang diperkenalkan oleh Sohaimi Abdul Aziz. Teori rasa-fenomenologi merangkumi lapan jenis perasaan yang terdapat daripada rasa duka (sedih), rasa berang (marah), rasa dahsyat (takut), rasa benci (jijik), rasa kagum (hairan), rasa wira (bertenaga), rasa berahi (kasih) dan rasa lucu (riang). Dapatan kajian menunjukkan bahawa karya M.Navin telah menerapkan kelapan-lapan jenis perasaan tersebut dalam 25 cerpennya. Berdasarkan dapatan kajian, kewujudan perasaan rasa duka dan rasa dahsyat dapat dilihat dalam 24 daripada 25 cerpen hasil karya M.Navin. Rasa berang dapat dilihat dalam 23 cerpen. Pengkaji turut mengenal pasti situasi yang membawa kepada rasa benci terdapat dalam 22 cerpen. Rasa lucu terdapat dalam 13 cerpen, rasa kagum dalam 11 cerpen, rasa wira pula dalam 6 cerpen dan akhirnya rasa berahi dalam 4 cerpen turut dikenal pasti dalam hasil karya M.Navin. Kebanyakan cerpen M.Navin mengutamakan perasaan rasa duka (sedih) dan rasa dahsyat (takut). Selain itu, kekerapan wujudnya situasi berkaitan kedua-dua perasaan tersebut menunjukkan bilangan yang terbanyak jika dibandingkan dengan perasaan lain. Menerusi hasil temu bual, pengkaji mendapati bahawa faktor pengasingan di tempat baharu menjadi gangguan dalam kehidupan pengarang. Selain itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi watak-watak dalam karya M.Navin supaya dapat menyampaikan pelbagai jenis perasaan. Kesimpulannya, terbukti bahawa teori rasa-fenomenologi sesuai diterapkan dalam penyelidikan kesusasteraan Tamil agar dapat memahami psikologi masyarakat Tamil secara terperinci. Implikasinya, memberi dorongan kepada pengkaji untuk melanjutkan kajian dalam teori rasa-fenomenologi.



THE APPLICATION OF EMOTIONAL PHENOMENOLOGY IN SELECTED TAMIL SHORT STORIES BY M.NAVIN

ABSTRACT

This study aims to identify and analyse the emotional phenomenological theory in M.Navin's short stories and further examine the feelings given priority by the author. The researcher used three short story anthologies, namely 'Mandai Oodi', 'Boyak' and 'Uchai' as research material. This study focuses on a qualitative design that combines library methods, interview methods and text analysis methods based on the emotional phenomenology theory introduced by Sohaimi Abdul Aziz. The emotional phenomenological theory includes eight types of feelings consisting of grief (sadness), rage (anger), terribleness (fear), hatred (disgust), awe (wonder), heroism (energetic), sensuality (love) and sense of humour (jolly). The findings of the study showed that M.Navin's work has applied the eight types of feelings in his 25 short stories. Based on the findings of the study, the existence of feelings of sadness and horror can be seen in 24 out of 25 short stories by M.Navin. Anger can be seen in 23 short stories. The researcher also identified situations that lead to hatred in 22 short stories. A sense of humor was found in 13 short stories, a sense of awe in 11 short stories, a sense of heroism in 6 short stories and finally a sense of sensuality in 4 short stories were also identified in M.Navin's work. Most of M. Navin's short stories prioritize feelings of grief (sadness) and terrible feelings (fear). In addition, the frequency of situations related to these two feelings showed the highest number when compared to other feelings. Through the results of the interviews, the researcher found that the factor of isolation in a new place became a disturbance in the author's life. In addition, there were other factors influenced the characters in M.Navin's work so that they can convey different types of feelings. In conclusion, it is proven that the emotional phenomenology theory is suitable to be applied in the research of Tamil literature to understand the psychology of the Tamil community in detail. The implication is to encourage researchers to continue their studies in emotional phenomenology theory.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	



1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Persoalan Kajian	12
1.6	Kerangka Konsep Kajian	13
1.7	Kepentingan Kajian	14
1.8	Batasan Kajian	16
1.9	Sumber Kajian	18
1.10	Definisi Operasional	19
1.10.1	Cerpen	19
1.10.2	Rasa-Fenomenologi	20
1.11	Penutup	21



**BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	22
2.2	Latar Belakang Cerpen	23
2.3	Perkembangan Cerpen Tamil di Malaysia	25
2.3.1	Perkembangan Cerpen Tamil Pada Awal Permulaan (1930-1941)	27
2.3.2	Perkembangan Cerpen Tamil Pada Zaman 30 Pendudukan Jepun (1942-1945)	27
2.3.3	Perkembangan Cerpen Tamil Semasa Kathai Vakupu (1946-1952)	28
2.3.4	Perkembangan Cerpen Tamil Pada Zaman Prakemerdekaan (1953 – 1957)	30
2.3.5	Perkembangan Cerpen Tamil Pada Zaman Pasca Kemerdekaan (1958-1969)	31
2.3.6	Perkembangan Cerpen Tamil Pada Zaman Kebangkitan (Marumalarchi Kaalam) (1970-1979)	32
2.3.7	Perkembangan Cerpen Tamil Pada Zaman Gerakan Persatuan (1980-1997)	34
2.3.8	Perkembangan Cerpen Tamil Pada Zaman Orang Perseorangan (1998-2005)	35
2.3.9	Perkembangan Cerpen Tamil Pada Zaman Media Alternatif (2006 - 2016)	35
2.4	Kajian-kajian Lepas Cerpen Tamil	36
2.4.1	Kajian Lepas Cerper Berdasarkan Tematik	36
2.4.2	Kajian Lepas Cerpen Tema Wanita	39
2.4.3	Kajian Lepas Cerpen Tema Budaya	41
2.4.4	Kajian Lepas Cerpen Tema Penindasan	43
2.4.5	Kajian Lepas Cerpen Tema Isu-isu Sosial	44
2.4.6	Kajian Lepas Cerpen Tema Feminisme	45
2.4.7	Kajian Lepas Cerpen Nilai Kemanusiaan	46
2.4.8	Kajian Lepas Cerpen Tema Perasan	46
2.5	Latar Belakang Pengarang M.Navin	47



2.5.1	Hasil Karya M.Navin	50
2.5.2	Persepsi Pengarang Luar Negara terhadap M.Navin	51
2.6	Teori Kajian	53
2.6.1	Teori Rasa	54
2.6.2	Teori Rasa-Dhvani	57
2.6.3	Teori Fenomenologi	60
2.6.4	Teori Rasa-Fenomenologi	62
2.6.5	Perasaan Dalam Teori Rasa-Fenomenologi	64
2.6.5.1	Rasa Kagum	65
2.6.5.2	Rasa Duka	66
2.6.5.3	Rasa Berang	68
2.6.5.4	Rasa Benci	69
2.6.5.5	Rasa Dahsyat	70
2.6.5.6	Rasa Wira	71
2.6.5.7	Rasa Berahi	72
2.6.5.8	Rasa Lucu	73
2.6.6	Kajian-kajian Lepas Berkaitan Teori Rasa-Fenomenologi	74
2.7	Kesimpulan	77

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	78
3.2	Reka Bentuk Kajian	79
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	81
3.3.1	Kaedah Analisis Teks	81
3.3.2	Kaedah Kajian Kepustakaan	84
3.3.3	Kaedah Temu Bual	85
3.4	Instrument Kajian	88
3.4.1	Instrument Pengekoden	88

3.4.2	Instrument Analisis Teks	91
3.4.3	Instrument Temu Bual	93
3.5	Teori Kajian	94
3.6	Kerangka Teori	96
3.7	Penutup	99

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	100
4.2	Rasa Benci	101
4.3	Rasa Duka	129
4.4	Rasa Berang	166
4.5	Rasa Dahsyat	195
4.6	Rasa Kagum	227
4.7	Rasa Wira	240
4.8	Rasa Berahi	252
4.9	Rasa Lucu	261
4.10	Temu Bual Bersama Pengarang	278
4.11	Kesimpulan	285

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	286
5.2	Perbincangan Kajian	287
5.3	Cadangan dan Kajian Lanjutan	298
5.4	Implikasi Kajian	301
5.5	Rumusan Kajian	303

RUJUKAN	305
----------------	-----

LAMPIRAN

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Jadual Koleksi Cerpen Mandai Oodi	17
1.2	Jadual Koleksi Cerpen Boyak	17
1.3	Jadual Koleksi Cerpen Uchai	18
2.1	Jadual Hasil Karya Pengarang	50
3.1	Jadual Senerai Semak Rasa yang terdapat dalam cerpen	90
3.2	Jadual Ringkasan Analisis Teori Rasa-Fenomenologi	92
3.3	Soalan-Soalan Temu Bual	93
4.1	Jadual Analisis Penemuan Rasa Benci dalam cerpen M.Navin	101
4.2	Jadual Analisis Penemuan Rasa Duka dalam cerpen M.Navin	130
4.3	Jadual Analisis Penemuan Rasa Berang dalam cerpen M.Navin	167
4.4	Jadual Analisis Penemuan Rasa Dahsyat dalam cerpen M.Navin	196
4.5	Jadual Analisis Penemuan Rasa Kagum dalam cerpen M.Navin	228
4.6	Jadual Analisis Penemuan Rasa Wira dalam cerpen M.Navin	241
4.7	Jadual Analisis Penemuan Rasa Berahi dalam cerpen M.Navin	253
4.8	Jadual Analisis Penemuan Rasa Lucu dalam cerpen M.Navin	262



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konsep kajian	13
3.1 Proses Analisis Teks	82
3.2 Teori Rasa-Fenomenologi	95
3.3 Kerangka Teori	97

SENARAI SINGKATAN

TRF Teori Rasa-Fenomenologi



SENARAI LAMPIRAN

1. Borang pengesahan soalan-soalan temu bual daripada Dr. Ilangkumaran Sivanadhan (Universiti Pendidikan Sultan Idris)
2. Borang pengesahan soalan-soalan temu bual daripada Dr.Sagar Narayanan (Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh)



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Istilah sosioekonomi atau politik-kuasa tidak boleh menjelaskan semua perkara yang wujud dalam masyarakat atau hubungan manusia dengan haiwan, tanaman mahupun alam persekitaran. Maka, sastera menjadi pelengkap dalam situasi ini kerana makna dalaman naratifnya dari pelbagai aspek dapat diterapkan bermula daripada masalah keperibadian manusia sehingga hubungan manusia dengan segala yang wujud dalam dunia (Britannica, 2021).

Perkembangan dalam bidang kesusasteraan sebenarnya menggambarkan ketamadunan sesuatu bahasa di dunia. Ini kerana kesusasteraan berpotensi untuk mencerminkan perubahan kehidupan masyarakat dari aspek sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. Kesusasteraan juga mempunyai hubungan rapat dengan manusia dan bahasa. Selanjutnya, kesusasteraan merangkumi pelbagai unsur seperti



perasaan, pemikiran, kreativiti, pengalaman dan emosi yang mempengaruhi kehidupan individu, keluarga, komuniti dan seterusnya masyarakat (La Capra, 2017).

Menurut George Herbert Clarke (1927), sastera mencerminkan aspek tulisan (littera-huruf). Karya kesusasteraan mendepankan pemikiran dan pengetahuan seseorang pengarang terhadap masyarakat umum. Pemikiran dan pemahaman ini boleh dibentuk menerusi pengalaman diri mahupun menerusi pengamatan terhadap dunia luaran (Witte, 1941). Terdapat juga pandangan berbeza terhadap pengayaan sastera yang menyatakan kesusasteraan sebagai satu wacana untuk menikmati dunia khayalan yang dicipta oleh manusia yang berbakat dalam memanipulasikan bahasa (Miller, 2013).

Selain itu, nilai seni yang termaktub dalam bahasa digunakan secara meluas dalam kesusasteraan untuk memperlihatkan unsur naluri dan rohani. Aspek ini dilihat sebagai nilai estetika dalam konteks kesusasteraan yang mampu membangkitkan sesuatu watak dan perasaan yang terpendam secara lebih jelas dan mantap (Cobb, 1957).

Selain itu, kesusasteraan juga berpotensi untuk memberi gambaran dan perspektif berbeza mengenai masyarakat sedunia tanpa menekankan penilaian terhadap situasi dan individu tertentu (Gillespie, 1994). Kesusasteraan secara umumnya merangkumi pelbagai bentuk penerbitan termasuk novel, puisi, cerpen, drama dan sebagainya. Keperluan dan kepentingan kesusasteraan dalam tamadun manusia berubah mengikut peredaran masa, tempat dan masyarakat.

Setelah meneliti pandangan para sarjana, dapat merumuskan bahawa kesusasteraan ditulis dan dikritik mengikut keperluan dan penerimaan terhadap genre





tersebut. Justeru, bab ini akan menerangkan latar belakang kajian yang membantu dalam usaha mengenal pasti pengwujudan jurang yang terdapat dalam kajian-kajian terhadap kesusasteraan Tamil di Malaysia. Susulannya, pernyataan masalah dan objektif kajian diterangkan secara mendalam. Selain itu, persoalan kajian, kerangka konsep, kepentingan kajian, batasan kajian, sumber, dan definisi operasional turut menjadi kandungan dalam bab ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Kamus Dewan Bahasa (2017), istilah 'sastera' bermaksud hasil seni yang diwujudkan dalam bentuk karya seperti karangan bebas atau puisi. Sastera juga dirujuk sebagai bahasa yang digunakan dalam apa-apa bentuk tulisan mahupun bentuk surat. Sastera berasal daripada Bahasa Sanskrit iaitu 'Castera'. Menurut Hashim Awang (1987), sastera merupakan ciptaan fiksiyen atau karya seni yang dihasilkan melalui penggunaan bahasa. Sastera adalah antara bidang-bidang yang merangkumi pelbagai karya. Salah satunya ialah cerpen. Penulis cerpen mengarang karya berunsurkan kehidupan masyarakat dan bertemakan pelbagai aspek. Aspek kemerdekaan, agama, pendidikan, sosial, politik dan ekonomi adalah antara tema yang lazim digunakan oleh penulis untuk menghasilkan karya masing-masing.

Penulisan karya berbentuk cerpen dalam bidang kesusasteraan sebenarnya bermula dalam kalangan orang Eropah. Ketika itu, masyarakat di negara-negara Eropah mengalami kekangan dalam kerjaya dan juga dalam penciptaan Sains. Kesederhanaan dalam kehidupan masyarakat tersebut menjadi dorongan sehingga munculnya penghasilan karya berbentuk cerpen. Kemudian, penghasilan dan penulisan cerpen berubah mengikut peredaran masa. Lama-kelamaan, penulisan





cerpen juga diubahsuai mengikut situasi masyarakat setempat (R.Dhandayutham, 1972).

Dalam konteks kesusasteraan dunia (*World Literature*), sastera disifatkan sebagai suatu bentuk yang harus mengisahkan perkara-perkara 'besar'. Sedangkan begitu, kewujudan bentuk cerpen pula dilihat sebagai suatu seni ikonografi yang menceritakan aspek yang lebih kecil dari segi skop dan bentuknya. Walau bagaimanapun, perkembangan dalam bentuk ini menjadikannya sehingga mencipta atau menerokai dunia kiasan yang amat mendalam walaupun sempadannya terhad (Jeyamohan, 2016). Menurut beliau, aspek kesegaran dan keunikan gaya, subjek yang mantap dan kebolehan untuk menonjolkan keintiman adalah aspek-aspek yang digunakan untuk menguji dan mengesahkan sifat-sifat yang perlu ada pada sebuah cerpen yang berkualiti. Secara umumnya, pengaryaan cerpen tidak mempunyai ciri-ciri ataupun format tertentu dalam gaya persembahannya kerana subjeknya amat luas berkaitan kemanusiaan dan segala bentuk dalam dunia (Gullason, 1989).

Cerpen memberi kebebasan kepada penulis untuk menyampaikan hasratnya atau bereksperimen dengan tema tanpa memikirkan bebanan masa ataupun ruang lingkungan. Secara semula jadi, cerpen lebih banyak diakses oleh pembaca kerana bentuknya yang kecil (Literature, Disember 2015). Selain itu, masyarakat lebih gemar membaca cerpen berbanding dengan karya sastera lain kerana penggunaan bahasa dalam cerpen agak mudah, cerita yang pendek dan juga dapat menerangkan sesuatu situasi dengan kaedah yang sesuai. Cerpen juga berupaya untuk menggambarkan situasi sebenar yang dikisahkan dalam ceritanya dengan adanya penggunaan aspek estetika. Selain itu, perasaan yang diwujudkan oleh watak-watak dalam cerpen juga mempengaruhi minat pembaca. Lebih-lebih lagi, cerpen juga mendepankan penyelesaian bagi sesuatu masalah secara tersurat dan tersirat.





Di Malaysia, penulisan karya cerpen Tamil mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Menurut Baskaran (1995), fasa permulaan penulisan cerpen Tamil Malaysia bermula dalam tempoh tahun 1930-1941. Usaha tersebut berterusan semasa Pendudukan Jepun (1942-1945) dan kemudiannya dikenali sebagai Tamat Kathai Vakupu (1946-1952). Perkembangan cerpen turut berlaku semasa Zaman Prakemerdekaan (1953-1957) dan Selepas Kemerdekaan (1958-1969). Akhir sekali, usaha penulisan cerpen Tamil digiatkan secara luas bermula tahun (1970-1979). Rentetan daripada itu, Vijayalatchumy & Navin (2020) telah mengklasifikasikan tiga lagi tempoh masa mengikut trend yang menunjukkan perubahan dan perkembangan dalam kesusasteraan Tamil di Malaysia iaitu Zaman Gerakan Persatuan (1980-1997), Zaman Orang Perseorangan (1998-2005) dan akhirnya Zaman Media Alternatif (2006 - 2016).



Dalam perkembangan sastera Tamil moden di Malaysia, usaha-usaha yang dilakukan oleh sasterawan muda M.Navin amat menarik perhatian. M.Navin yang berasal dari Lunas, Kedah sudah mula mengarang karya berbentuk cerpen dan puisi untuk diterbitkan dalam surat khabar tempatan sejak bangku persekolahannya lagi. Selepas menamatkan pendidikan menengah, beliau berhijrah ke Kuala Lumpur. Ketika berumur 18 tahun, beliau mula menulis dalam majalah bulanan 'Mannan' dengan bantuan S.P.Arun. M.Navin telah menulis cerpen dalam majalah 'Kathal' dengan sokongan dan dorongan sasterawan veteran M.Shanmugasiva. Pada tahun 2005, M.Navin menerbitkan cerpen yang dihasilkannya dengan penerbitan sendiri yang bernama 'Vallinam'. Pada tahun 2006, beliau mula menerapkan pembaharuan dalam penulisan cerpen moden. Pada tahun 2010, beliau telah menerima anugerah bagi kategori penyair muda dalam pertandingan puisi yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Pada tahun 2019, beliau telah menerima anugerah '*Kanada Iyal Amaipin Pangkalipu Viruthu*' dari negara Kanada atas jasa dan sumbangannya dalam bidang





sastera moden. Minat beliau dalam bidang sastera bergiat terus dan menghasilkan karya-karya yang berkualiti menerusi penerbitan Vallinam (Navin, 2015).

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), istilah perasaan merujuk kepada perihai berasa atau merasai sesuatu. Istilah tersebut juga didefinisikan sebagai keinginan yang meluap-luap dalam hati. Istilah perasaan juga merujuk kepada pertimbangan hati tentang sesuatu kejadian ataupun terhadap sesuatu persekitaran.

Menurut Coren, Ward & Enns (2001), persepsi individu tidak berdasarkan pada proses kognisi sahaja, malah melibatkan unsur perasaan juga. Dengan ini, faktor perasaan juga perlu dititikberatkan dalam pertimbangan sesuatu masalah. Perasaan juga mewujudkan konflik dalam kehidupan seseorang manusia. Emosi manusia sebenarnya menjadi skala yang mempamerkan betapa seriusnya sesuatu hal yang difikirkan oleh seseorang individu.

Dalam pandangan ilmu psikologi, manusia ialah makhluk yang mempunyai emosi (James, 1999). Emosi adalah antara keadaan jiwa yang mencerminkan sesuatu perubahan yang jelas pada tubuh. Selain daripada perasaan malu, emosi marah juga tidak biasa dikatakan sebagai sesuatu hal yang positif atau negatif berdasarkan kewajarannya. Emosi marah tergantung kepada memori atau momentum di mana kebanyakan orang mengatakan bahawa mereka marah tanpa memikirkan tempat dan kekerapannya (Greenberg & Watson, 2006).

Menurut pandangan psikologi, perasaan memberi gambaran secara ringkas mengenai hubungan yang terbina antara pengarang dengan pembaca. Hubungan ini dapat dilihat oleh penulis melalui proses penulisan dan dihayati oleh pembaca melalui





proses penerimaan (Gullason, 1989). Pengarang menyampaikan sesuatu pendapat dengan perasaan atau idea yang lancar sehingga menimbulkan pengaruh yang memberi kesan kepada pembaca.

Perasaan adalah unsur penting dalam kehidupan manusia. Setiap manusia meluahkan perasaan yang berbeza seperti gembira, takut, sedih, geram, benci dan sebagainya mengikut situasi yang dialaminya. Apabila pembaca memahami perasaan yang ingin disampaikan oleh penulis secara tidak langsung, maka pembaca dapat memikirkan tingkah laku watak dan perwatakan yang terdapat dalam koleksi cerpen M.Navin.

Pengkaji berfokuskan pada perasaan-perasaan yang disampaikan melalui watak-watak dalam cerpen M.Navin. Setiap manusia mempunyai perasaan yang berbeza dalam kehidupan masing-masing. Maka, dengan menggunakan teori rasa-fenomenologi kajian ini dibuat untuk mengenal pasti dan menganalisis perasaan yang terserlah dalam cerpen-cerpen yang dikaryakan oleh M.Navin.

1.3 Pernyataan Masalah

Pakar psikologi dan para pengkritik sastera berpendapat bahawa kedua-dua bidang ini mempunyai tujuan dan matlamat yang sama. Kedua-dua bidang ini menggambarkan tingkah laku manusia dalam kehidupan nyata dan mental mengikut perubahan persekitaran, konteks, dan keadaan (Grant, 1987).

'Description of the behaviour of a certain person (in good literature) will evoke in the mind of the reader a full, rich, rounded, and very lifelike picture of a person-in-action as seen against the background of his life and times'

(Wood, 1955)





Berdasarkan kenyataan di atas dapat disimpulkan bahawa pengarang menghasilkan karya sastera bukan semata-mata untuk tujuan hiburan. Setiap pengalaman yang diterjemahkan oleh pengarang ke dalam bahasa dilihat berkaitan dengan pemahamannya dan dibatasi oleh rujukan peribadinya dengan manusia lain. Andaian ini telah dikukuhkan dengan pelbagai kajian psikolinguistik: kajian mengenai hubungan antara bahasa dan ciri-ciri tingkah laku seseorang penutur (dalam konteks ini pengarang). '*Use what language you will, you can never say anything but what you are*' - Emerson (Birkerts, 2012); '*No matter what we see, it is ourselves that we report*' - Steinbeck (Marshall, 2011).

Memandangkan bidang psikologi dirujuk sebagai kajian terhadap minda dan tingkah laku, bidang itu turut merangkumi pengaruh biologi, tekanan sosial dan faktor persekitaran yang mempengaruhi cara seseorang itu berfikir, bertindak berasa dan sebagainya (Cherry, Jun 2020). Ini kerana, psikologi adalah cabang sains yang cuba memahami, meramal dan mempengaruhi tingkah laku manusia secara khususnya dengan mengkaji tingkah laku secara saintifik dan menggunakan teori serta dapatan para pengkaji lain untuk menyelesaikan masalah secara praktikal (Mohamed, 2014).

Dalam istilah Psikologi, emosi merupakan bahasa dalaman seseorang yang berkait rapat dengan tindak balas (fizikal) daripada sensitiviti perasaan dalaman dan luaran (Mohd Fadzli Abu Bakar, 2005). Melihat dari perspektif psikologi lagi, dinyatakan bahawa keinginan diri seseorang merupakan antara punca kepada pergolakan emosi dan keadaan itu berlaku apabila ego manusia bertembung dengan persekitaran yang pelbagai ragam. Pada hakikatnya, pergolakan emosi ini disebabkan oleh perasaan yang tidak sempurna, tidak lengkap atau tidak memenuhi (*non-fulfillment*) yang terbentuk dalam fikiran seseorang (Dharitri Ramaprasad, 2013).





Dengan ini dapat merumuskan bahawa sastera mencerminkan atau membantu proses pemahaman terhadap pengalaman manusia yang benar dan pengalaman manusia ini terhasil daripada pergolakan emosi apabila ego manusia berdepan dengan pelbagai fenomena dalam persekitaran. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa pengarang turut berusaha untuk menyelitkan elemen bahasa yang menarik dan unsur imajinasinya dalam pengayaan sastera.

Melihat aspek ini dalam konteks Malaysia, kajian Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Kesihatan dan Morbiditi Nasional (K&MN) pada tahun 2017 mengenai krisis peningkatan kes bunuh diri dalam kalangan remaja memberi gambaran terhadap persekitaran sosial yang wujud di negara ini. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa perangkaan kes bunuh diri dalam kalangan remaja Malaysia meningkat daripada 7.9 peratus (tahun 2012) kepada 10 peratus (tahun 2017). Ini menunjukkan bilangan kes bunuh diri remaja meningkat sebanyak 2.1 peratus dalam tempoh masa lima tahun. Naluri perasaan dilihat sebagai antara punca yang mendorong remaja untuk membunuh diri (Code Blue, November 2019). Apabila mengaitkan fakta ini dalam kerangka pengayaan sastera di Malaysia, tidak dapat dinafikan bahawa para sasterawan turut menjadi sebahagian dalam kalangan masyarakat di negara ini yang berkemungkinan terdorong atau mendapat ilham untuk mendedahkan pelbagai fenomena dalam persekitaran yang menyebabkan pergolakan perasaan ini secara langsung ataupun secara tidak langsung melalui penghasilan karya.

Sehubungan ini, kebanyakan masalah sosial, ekonomi, politik dan agama mencengkam golongan masyarakat dengan perasaan negatif. Manusia diselubungi dengan situasi yang tidak normal lalu tidak mengetahui cara yang sesuai untuk mencegah diri daripada perasaan negatif. Selain itu, manusia cepat berputus asa dan





mengambil atau mencuba tindakan yang berbahaya semasa mengalami perasaan negatif seperti takut, sedih dan marah. Hasil kajian Nur Ashidah Yahya (2020), menyatakan bahawa kemurungan individu menyebabkan penyakit mental. Mereka berangkap tindakan mencederakan diri sendiri adalah satu keputusan untuk mengalihkan minda daripada masalah yang dihadapinya. Manusia yang tidak mengetahui cara untuk mengurus dan mengimbang perasaan. Mereka sukar untuk menjalin hubungan sosial dengan pihak lain.

Pada era moden ini, masyarakat menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan. Mereka mengalami masalah kehidupan lalu berlaku kelunturan perasaan menjejaskan ikatan persahabatan dalam kalangan masyarakat yang merangkumi pelbagai kaum. Manusia memahami sifat-sifat perasaan negatif untuk menyelamatkan diri sendiri dan orang lain. Dalam konteks ini, Sohaimi Abdul Aziz memperkenalkan teori rasa-fenomenologi. Beliau menekankan kelapan-lapan rasa dalam teorinya. Menerusi teori ini dapat mengenali kelapan-lapan rasa yang menentukan sikap, sifat dan persekitaran yang dialami oleh watak dalam cerpen M.Navin. Teori rasa-fenomenologi dapat memperincikan perasaan watak-watak menerusi isu dan masalah kehidupan dalam cerpen M.Navin.

Kehadiran M.Navin dalam bidang penulisan cerpen-cerpen Tamil Malaysia sangat dihargai. Beliau merupakan antara pengarang tempatan yang menulis fenomena kehidupan masyarakat setempat khasnya masyarakat Tamil di negara ini. Hasil tinjauan yang dilakukan oleh Imayam Annamalai (2015) terhadap koleksicerpen '*Mandai Oodi*' memperincikan bahawa karya-karya M.Navin memperlihatkan detik-detik seharian dalam kehidupan manusia dengan jelas dan teliti. Perasaan seperti sakit, luka, duka, kealpaan manusia turut digambarkan melalui pengalaman hidup dan pengamatannya terhadap masyarakat di sekeliling. Dalam karya M.Navin watak-watak





dan persekitaran memaparkan isu-isu sosial. Oleh itu, pengkaji memfokuskan cara penulisan M.Navin dan perasaan yang diluahkan oleh wataknya.

Sementara itu, kajian analisis kronologi sejarah kesusasteraan cerpen Tamil di Malaysia oleh (Vijayalatchumy & Navin, 2020) menyenaraikan kajian-kajian lepas berkaitan cerpen Tamil di Malaysia. Berasaskan dapatan kajian tersebut, dapat dinyatakan bahawa hanya latar belakang sejarah, tematik, struktur, elemen, isu-isu kontemporari, watak dan perwatakan, tradisi dan etika warisan masyarakat Tamil dan bahasa menjadi aspek-aspek yang dilibatkan dalam kajian sehingga tahun 2020.

Berdasarkan pengamatan bahawa sastera diaduni unsur-unsur kebenaran dan imaginasi dalam proses pengaryaan, terdapat tiga faktor yang menyebabkan kajian ini dijalankan. Berasaskan penganalisaan Vijayalatchumy & Navin (2020) terhadap kajian-kajian cerpen Tamil di Malaysia dapat menunjukkan bahawa skop kajian tertentu menjadi keutamaan kajian melibatkan bidang kesusasteraan ini. Maka, terdapat kekaburan sama ada cerpen-cerpen Tamil di Malaysia terbitan semasa mencerminkan ataupun tidak ciri-ciri perasaan manusia berserta fenomena yang wujud di persekitaran.

Selain itu, pengkaji menggunakan pendekatan yang sesuai untuk menganalisis dan mengekstrak ciri-ciri perasaan manusia berserta fenomena daripada hasil karya sastera. Seterusnya, pengkaji memiliki kekaburan sedikit atau sebesar mana tumpuan diberi oleh pengarang M.Navin terhadap ciri-ciri perasaan dan fenomena yang wujud di persekitaran dalam cerpen-cerpen yang dihasilkannya.

Oleh itu, pengkaji menganalisis dan menerangkan sebab dan akibat perasaan yang diluahkan oleh watak-watak dalam cerpen M.Navin. Dengan ini, cerpen-cerpen



M.Navin memberi kesedaran kepada pembaca. Di samping itu, pembaca mengetahui cara untuk mengurus dan mengawal pelbagai perasaan dengan pihak lain dan diri sendiri.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian merujuk kepada matlamat khusus yang hendak dicapai daripada hasil penyelidikan yang dilakukan. Penyelidikan mengenai penerapan teori rasa-fenomenologi ini dilakukan dalam koleksi cerpen *Mandai Oodi*, *Boyak* dan *Uchai*. Oleh itu, pengkaji memilih tiga objektif kajian, iaitu :

1.4.1 Mengenal pasti ciri-ciri rasa-fenomenologi dalam cerpen terpilih karya M.Navin.

1.4.2 Menganalisis teori rasa-fenomenologi dalam cerpen terpilih karya M.Navin.

1.4.3 Merumus penerapan unsur perasaan yang terkandung dalam cerpen terpilih karya M.Navin

1.5 Persoalan Kajian

Soalan-soalan kajian berikut dikemukakan oleh pengkaji untuk dijawab melalui dapatan kajiannya.


1.5.1 Apakah unsur perasaan yang ditonjolkan dalam cerpen-cerpen terpilih Tamil M.Navin?

1.5.2 Bagaimanakah cerpen-cerpen tersebut mendepankan aspek perasaan manusia?

1.5.3 Apakah unsur perasaan yang dapat dianalisis dan diberi keutamaan dalam cerpen-cerpen M.Navin?

1.6 Kerangka Konsep Kajian

Rajah 1.1 menggambarkan kerangka konsep kajian.



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian



1.7 Kepentingan Kajian

Kesusasteraan mencungkil bakat para karyawan melalui penghasilan karya pelbagai genre seperti novel, cerpen, puisi, drama dan sebagainya. Pengarang hendak menyampaikan buah fikirannya kepada pembaca melalui karya yang dihasilkan.

Terdapat beberapa faktor yang mendorong pengkaji mengendalikan kajian ini. Pertama sekali, kajian ini diharap dapat mengenal pasti dan memenuhi ruang penyelidikan yang wujud dalam bidang kajian ini. Ruang penyelidikan yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah kajian berasaskan Teori Rasa-fenomenologi yang terdapat dalam hasil karya cerpen M.Navin.

Gabungan kedua-dua teori ini yang dikenali sebagai Teori Rasa-fenomenologi yang amat popular dalam kajian bidang kesusasteraan Melayu. Aspek ini mendorong pengkaji untuk menerapkan teori tersebut ke dalam kajian terhadap kesusasteraan Tamil di Malaysia. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi pemahaman yang jelas lagi terperinci mengenai penggunaan teori dalam pengajian bidang kesusasteraan Tamil. Sekaligus, mendorong pengkaji-pengkaji baharu untuk menerokai teori ini dalam bidang kajian kesusasteraan Tamil dari pelbagai perspektif dan dimensi.

Seterusnya, penilaian terhadap perubahan sosial segolongan masyarakat turut menitikberatkan pemerhatian terhadap tindakan seseorang individu, kumpulan, organisasi, komuniti, dan unit-unit lain dalam ruang sosial tersebut. Selain aspek keperibadian ini, faktor fenomena dalam persekitaran turut bertindak mempengaruhi keadaan sosial (Finsterbusch, 2012). Pada masa yang sama, kedua-dua faktor ini





saling berkait rapat dan bergantung antara satu sama lain dalam penilaian terhadap perubahan sosial masyarakat.

Misalnya, kajian Hong (2004) mengenai kesan perubahan sosial dan keluarga terhadap kesihatan mental menyatakan bahawa pemodenan yang merupakan suatu aspek dalam perubahan sosial boleh menyebabkan pemecahan orientasi nilai tradisional, pemecahan sistem keluarga dan peningkatan mendadak dalam jumlah perceraian dan peningkatan masalah membesarkan anak. Tambahan pula, Taylor (2019) dalam buku 'The Pandemic of Psychology', menerangkan bahawa pandemik penyakit sebagai suatu fenomena baru dalam suasana masyarakat yang sedia ada dan juga bersifat mempengaruhi psikologi seseorang individu lalu meneliti emosi manusia dan sosial.



Sebaliknya, Jain (2018) dalam kajiannya berkaitan kesan tingkah laku manusia terhadap perubahan sosial dalam konteks media sosial menyatakan bahawa penglibatan individu dalam media sosial bukan sahaja mengubah daya pemikiran manusia, malah turut menyusun atur tingkah laku sosialnya. Maka, kepentingan kajian ini adalah untuk membantu pengkaji memahami dan mendalami perasaan dan fenomena dalam persekitaran yang wujud dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia dengan lebih mendalam dari pelbagai dimensi.

Kajian terhadap cerpen-cerpen M.Navin dapat membantu pengkaji melihat keberkesanan berkaitan emosi manusia dengan fenomena dalam persekitaran sebagai usaha memperlihatkan konteks pengayaan tersebut secara lebih mendalam. Melalui usaha ini, pengkaji turut dapat mengenal pasti pelbagai aspek perasaan dan fenomena dalam persekitaran yang diterapkan oleh pengarang melalui pengungkapannya dalam karya-karya yang dihasilkan.





Akhir sekali, kajian ini memfokuskan betapa pentingnya aspek perasaan dalam kehidupan manusia. Perasaan ini yang mengubah cara hidup seseorang manusia. Melalui perasaan, manusia mampu memahami seseorang secara mendalam dan mengeratkan lagi hubungan antara satu sama lain. Pengarang yang kreatif mampu menerapkan segala aspek perasaan yang terdapat dalam manusia ke dalam karyanya. Maka, kajian terhadap perasaan ini turut menjadi suatu panduan kepada pengkaji untuk mendapatkan maklumat tentang perasaan manusia. Ia membantupara pengkaji lain untuk melanjutkan penyelidikan pada masa depan.

1.8 Batasan Kajian

Pengarang M.Navin telah menulis beberapa karya dalam kesusasteraan Tamil. Beliau telah menerbitkan sebanyak 15 buah buku termasuk satu novel, tiga koleksi puisi, tiga koleksi cerpen, dua koleksi artikel, tiga koleksi kritikan karya sastera, satu koleksi wawancara, satu koleksi catatan mengenai pengalaman peribadi dan sebuah lagi koleksi pengalaman pengembaraan. Walau bagaimanapun, bahan yang digunakan dalam kajian ini hanya terbatas kepada tiga buah koleksi cerpen yang dihasilkan oleh M.Navin.

Pengkaji hendak mengkaji unsur-unsur perasaan manusia yang dicerminkan melalui watak dan seterusnya hendak menganalisis perasaan berdasarkan cerpen-cerpen M.Navin. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji memberi tumpuan kepada 25 buah cerpen yang ditulis oleh M.Navin dalam jangka masa lima tahun iaitu dari tahun 2015 hingga tahun 2020. Sumber kajian dikhususkan kepada tiga koleksi cerpen, iaitu antologi *Mandai Oodi* (2015), *Boyak* (2018) dan *Uchai* (2020). Pemilihan cerpen-





cerpen ini dibuat berdasarkan perasaan yang diluahkan oleh watak dan persoalan yang berkaitan dengan perasaan.

Kajian ini merangkumi beberapa aspek berkaitan dengan tajuk yang dipilih oleh pengkaji dan mempunyai matlamat tertentu dalam mengkaji teori rasa-fenomenologi. Berdasarkan teori tersebut, pengkaji memfokuskan lapan rasa yang terdapat iaitu, rasa kagum, rasa dahsyat, rasa wira, rasa berani, rasa berahi, rasa duka, rasa lucu dan rasa benci. Pengkaji berfokus pada 25 cerpen yang dihasilkan oleh M.Navin ini untuk dijadikan bahan kajian. Pengkaji hendak menganalisis sama ada perasaan-perasaan yang disenaraikan tersebut memainkan peranan penting dalam cerpen-cerpen yang ditulis oleh M.Navin.

Jadual 1.1

Koleksi Cerpen Mandai oodi (2015)

Bil	Tajuk
1	Mandai oodi
2	Oli
3	Nenjukombu
4	Ilappu
5	Manimangalam
6	Nondi
7	Kuuli
8	Enaku mun irunthavanin arai

Jadual 1.2

Cerpen Boyak (2018)

Bil	Tajuk
1	Masaj
2	Jamal
3	Vandi
4	Boyak
5	Naagam
6	Yaakai
7	Peichi
8	Vellai paapaathi





Jadual 1.3

Cerpen Uchai (2020)

Bil	Tajuk
1	Kalugu
2	Uchai
3	Cheers
4	Raasan
5	Kanni
6	Bunian
7	Oli Pelai
8	Padchi
9	Dragon

Kajian ini memfokuskan tiga buah antologi cerpen, iaitu Mandai Oodi, Boyak dan Uchai. Perincian tajuk cerpen dalam koleksi-koleksi tersebut adalah seperti dipaparkan dalam jadual 1.1, 1.2 dan 1.3.

**1.9 Sumber Kajian**

Sumber kajian merujuk kepada dua kategori, iaitu sumber utama dan sumber sekunder. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mengumpul maklumat dan data yang relevan berkaitan dengan penyelidikan.

Sumber utama

Kajian ini berfokus pada cerpen-cerpen M.Navin yang dihasilkan dalam jangka masa 2015 hingga 2020. Koleksi cerpen Mandai Oodi (2015), Boyak (2018) dan Uchai (2020) digunakan sebagai bahan asas ataupun sumber utama dalam kajian ini. Selain itu, buku Penerapan Rasa-Fenomenologi (Sohaimi Abdul Aziz, 1998) digunakan untuk menjelaskan teori kajian dengan lebih berkesan.



Sumber Sekunder

Dalam kajian ini, buku-buku kesusasteraan Tamil, sejarah cerpen, buku ilmiah, tesis-tesis sarjana, laman sesawang, jurnal dan kamus Dewan Bahasa turut digunakan sebagai rujukan sampingan untuk menyempurnakan tugas-tugas kajian.

1.10 Definisi Operasional

Dalam kajian ini terdapat konsep yang perlu difahami secara lebih mendalam bagi memudahkan proses penyelidikan. Konsep-konsep yang akan dijelaskan ialah konsep rasa-fenomenologi, cerpen, rasa kagum, rasa wira, rasa dahsyat, rasa berani, rasa benci, rasa berahi, rasa lucu dan rasa duka.

1.10.1 Cerpen

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) istilah cerpen bermaksud pengabungan fakta dan imaginasi. Sedangkan begitu, istilah sastera pula sukar diberikan definisi yang umum. Maka, dapat disimpulkan bahawa kesusasteraan ialah ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa. Dalam cerpen ada bahan yang indah, bahasa yang indah dan teknik penceritaan yang indah. Keindahan ini merujuk kepada nilai estetika. Karya cerpen biasanya merangkumi mesej yang disampaikan kepada pembaca supaya boleh direnung dan difikir oleh pembaca untuk dijadikan panduan; mendapatkan pengetahuan dan pengalaman. Dalam cerpen, emosi dapat menarik perhatian pembaca dan menimbulkan suatu fikiran khusus serta memberikan kesan pengajaran. Penulisan cerpen mempunyai matlamat yang tertentu dalam hal-hal positif.



1.10.2 Rasa-Fenomenologi

Teori rasa-fenomenologi merangkumi satu unsur penting iaitu teori rasa-dhvani. Teori ini merujuk kepada dua konsep iaitu konsep emosi tetap dan konsep emosipelengkap. Teori rasa-fenomenologi berdasarkan kepada penelitian dan pemahaman pembaca terhadap sesebuah karya. Teori rasa-fenomenologi (TRF) memberitumpuan terhadap psikologi pembaca dalam aspek emosi tetap. Dalam teori rasa-dhvani, unsur emosi terdapat pada pembaca, karya dan pengarang. Sesebuah karya yang dihayati oleh pembaca akan melahirkan genre rasa dalam kehidupannya. Konsep emosi tetap ini diterima dalam teori rasa-fenomenologi. Teori ini ialah hasil gabungan dua teori dari Barat dan Timur. Teori rasa pula ialah teori estetik yang mula dibincangkan pada abad ke-18 di negeri-negeri Barat, manakala teori rasa pula dibincangkan pada abad keenam Masihi. Teori rasa-fenomenologi merupakan teori estetik yang dihasilkan daripada kombinasi dan penyesuaian dua teori estetik dari Timur dan Barat. Teori estetik ini bersifat holistik dan mempunyai unsur universal. Karya yang dikaji mampu memberi penjelasan dan penghuraian terhadap fenomena pengalaman estetik yang sesuai. Kajian yang dilakukan oleh Sohaimi Abdul Aziz pada tahun 1998, terhadap hasil karya A. Samad Said telah menghasilkan lapan rasa iaitu, rasa kagum, rasa benci, rasa berang, rasa dahsyat, rasa wira, rasa berahi, rasa lucu dan rasa duka. (Rasa-fenomenologi halaman: 65 -66)

Menurut Kamus Dewan dan Pustaka (2017), rasa kagum merujuk kepada perasaan hairan. Seseorang itu akan berasa hairan apabila melihat atau mendengar sesuatu yang ganjil. Rasa benci merupakan emosi yang sangat kuat dan melambangkan ketidaksukaan terhadap sesuatu fenomena. Rasa berang pula merujuk kepada perasaan marah yang amat pesat berlaku terhadap seseorang individu. Rasa dahsyat ini menerangkan ketakutan. Perasaan ini menimbulkan rasa



takut atau ngeri. Rasa wira merujuk kepada kekuatan dan sifat-sifat kewiraan yang dimiliki oleh seseorang. Rasa berahi bermakna kasih. Rasa berahi memandangkan kesukaan seseorang itu semakin bertambah terhadap orang lain. Rasa duka pula merujuk kepada luahan perasaan susah hati atau sedih. Perasaan ini timbul apabila seseorang itu menghadapi masalah yang mewujudkan kepahitan. Rasa lucu merujuk kepada emosi yang membuatkan seseorang itu ketawa, menggelikan hati ataupun terhasil apabila berjenaka.

1.11 Penutup

Penyelidikan ini merupakan satu tunjang bagi memahami perasaan manusia melalui teori rasa-fenomenologi. Pengkaji menjalankan kajian ini dengan bertumpu pada objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian yang dibincangkan dalam bab ini. Pemerincian itu menentukan hala tuju kajian ini. Pengkaji ingin melihat penghayatan terhadap perasaan dapat diberikan oleh pengarang dan diterima oleh pembaca melalui teori rasa-fenomenologi. Melalui pendekatan teori rasa-fenomenologi cerpen dapat dinilai dengan lebih mendalam oleh pembaca. Dengan ini, pengkaji dapat menghasilkan dapatan kajian yang benar daripada kajian yang dilakukan.